UUM/AD49/BH/05.07.2005/P:B8 (2).

Naib Canselor UUM azam tingkat kerjasama

BH 5/7/05 B8:2

NAIB Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) yang baru, Datuk Dr Nordin Kardi berazam meningkatkan kerjasama dengan pensyarah, pentadbir dan pelajar dalam usaha membangunkan universiti berkenaan.

Katanya, hasil gabungan tiga komponen itu serta kerjasama padu semua pihak akan membantu mempercepatkan pencapaian wawasan universiti.

Dr Nordin berkata, persoalan visi atau corak yang hendak dibawa pegawai yang dilantik untuk mentadbir universiti sebenarnya mempunyai motif yang sama iaitu untuk membudayakan kecemerlangan dalam bidang akademik seperti yang tetapkan kerajaan.

"Tidak timbul persoalan cara atau pembawakan yang akan dilaksanakan oleh peneraju yang dipilih kerana matlamat akhirnya ialah merealisasikan hasrat kerajaan.

"Namun pengalaman dari luar perlu diambil kira untuk penambahbaikan pentadbiran universiti itu supaya misi yang dirancang tercapai," katanya ketika diminta mengulas mengenai corak yang akan dilaksanakannya bagi menerajui universiti keenam negara itu.



> *"Tidak timbul persoalan cara atau pembawakan yang akan dilaksanakan oleh peneraju yang dipilih kerana matlamat akhirnya ialah merealisasikan hasrat kerajaan"*
>
> **Dr Nordin Kardi**
> *Naib Canselor UUM*

Daripada jumlah itu seramai 64 pelajar dari luar negara iaitu Indonesia (32), Thailand (25), Pakistan (6) dan seorang dari Yaman.

Bagi program ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah (PhD) pula, UUM menawarkan pengajian kepada 412 orang iaitu 364 peringkat ijazah sarjana dan 48 (PhD).

Daripada jumlah itu seramai 236 pelajar akan mengikuti pengajian sepenuh masa dan 176 secara sambilan.

Jumlah itu termasuk 82 pelajar luar negara iaitu Libya (38), Thailand (17), Indonesia dan Jordan masing-masing (9), Pakistan (4), masing-masing seorang dari Arab Saudi, India, Nigeria, Solomon Islands dan Syria.